

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**KAWASAN : STAMPIN**

**SOALAN NO. 124**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah kos anggaran untuk pembinaan Jambatan Batang Lupar di Sarawak dan apakah rasional Kerajaan untuk tidak memakai proses tender terbuka untuk pemilihan kontraktor untuk projek pembinaan jambatan Batang Lupar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Jambatan Batang Lupar merupakan projek yang telah diluluskan dalam Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia Ke-11 (RP1, RMKe-11) dengan kos sebanyak RM1.0 bilion secara perkongsian kos 50:50 antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Namun peruntukan projek ini telah dibatalkan pada tahun 2018 yang lalu dan projek ini telah diteruskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri Sarawak. Oleh yang demikian, proses pemilihan kontraktor juga adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.